

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-  
LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN : 421**

**YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama-nama dan butir-butir kesemua 465 program atau projek di Kedah yang belum diselesaikan dan anggaran kos untuk setiap projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 seperti yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab soalan Parlimen saya bertarikh 22 Oktober 2015.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 465 program/projek pembangunan yang masih dalam pelaksanaan sehingga 22 Oktober 2015, sebanyak 308 program/projek (66%) dengan kos RM9.48 bilion telah berjaya disiapkan manakala 157 program/projek masih dalam pelaksanaan melibatkan kos sebanyak RM6.56 bilion.

Sekian. Terima kasih.